

Pematuhan Etika Berpakaian Pelajar Semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Sesi Jun 2017

Fauziah Binti Basok, Nor Zilaila Binti Jaafar
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
fauziah@psmza.edu.my, zilaila@psmza.edu.my

Abstrak

Kajian tindakan ini dijalankan untuk memastikan pematuhan etika berpakaian pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi semester 1 Sesi Jun 2017. Responden yang terlibat adalah seramai 80 orang pelajar. Objektif kajian tindakan ini adalah untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA, untuk mengenalpasti pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA dan untuk mengenalpasti penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data kajian dibuat melalui edaran soal selidik dan temu bual. Hasil pelaksanaan kajian ini mendapati bahawa hanya 85.7% responden memahami etika berpakaian di politeknik yang diberi semasa minggu transformasi dan 61% sahaja responden bersedia untuk membimbing rakan sebaya tentang etika berpakaian di politeknik. Sebanyak 98.1% responden bersetuju diadakan kempen-kempen kesedaran terhadap kepentingan pematuhan etika berpakaian di dalam politeknik. Pelaksanaan tindakan diselesaikan dalam tempoh 8 minggu. Perancangan tindakan yang dijalankan ialah pensyarah memperuntukkan masa selama 10 minit pada setiap waktu kuliah untuk memeriksa rupa diri pelajar, bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk mengadakan kempen-kempen kesedaran dan bekerjasama dengan unit disiplin jabatan dengan mengadakan pemeriksaan rupa diri secara mengejut. Hasilnya didapati terdapat peningkatan terhadap pematuhan etika berpakaian pelajar semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Sesi Jun 2017 di PSMZA.

Kata Kunci : Etika, berpakaian, pematuhan

Abstract

This action research is conducted to investigate students' adherence to Department of Information Technology and Communication dress code policy amongst students of first semester session June 2017 which involved 80 students as respondents. Objectives for this study are to observe students' awareness about PSMZA dress code policy, to measure students' understanding in dress code policy and also to identify students' acceptance towards the dress code policy. Both methods are used in this study namely qualitative and quantitative whereby the data were collected using a researcher-made questionnaire and interview session. Based on the results, 85.7% respondents understand the dress code policy that have been shared during transformation week and only 61% of the respondents are willing to guide other friends regarding the dress code policy. Other than that, the data shows 98.1% of the respondents agree to awareness campaign pertaining the amenability t the dress code policy. It took 8 weeks to complete the study. Action planning taken by every lecturer was a thorough ten minutes dress code inspection in the beginning of lecture, collaboration with Department of Students Affair to hold awareness campaigns and also spot checks in collaboration with Discipline Unit. The end results show significant improvement in students' adherence to polytechnic dress code policy amongst students of first semester session June 2017 in PSMZA.

Keywords : Ethic, Dress code, policy

Refleksi Kajian

Politeknik adalah tempat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai nilai modal insan yang berkualiti tinggi selaras dengan dasar pendidikan negara. Hala Tuju Transformasi Politeknik telah dilaksanakan pada tahun 2009 bertujuan memperkasakan politeknik di seluruh negara. Hala tuju ini mempunyai empat objektif utama iaitu melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional, mengukuhkan kerelevanan dan responsif program pengajian di politeknik terhadap pembangunan ekonomi negara, menerajui bidang tujuhan dan teknologi tertentu, membina reputasi antarabangsa dan mempelbagai dan meluaskan penawaran program (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012).

Impak pelaksanaan transformasi tersebut adalah setiap politeknik berazam untuk menjana modal insan melalui pendidikan dan latihan dalam persekitaran pembelajaran inovatif dan kreatif serta sentiasa merangsang pelajarnya untuk terus meningkatkan keterampilan dan hubung kaitnya dengan keperluan kemahiran terkini dalam sektor pekerjaan. Sebagai salah sebuah negara perdagangan utama di dunia, kerajaan memerlukan sistem pendidikan yang mampu membina kekuatan modal insan dalam pelbagai bidang dan memperbaiki tahap daya saing dan pembangunan negara (Mohd Shahril Bin Ibrahim, 2012). Keperluan ini meningkat lebih-lebih lagi apabila masyarakat kini sedang melalui perubahan pesat dalam persaingan menguasai cabaran globalisasi dan k-ekonomi (Abd Jalil Borham, 2008).

Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia semakin bertambah daripada universiti-universiti ternama, Politeknik, Kolej Komuniti sehinggakan kepada kolej-kolej swasta yang diwujudkan bagi menyambut seruan kerajaan untuk membina tamadun pendidikan yang jitu dan maju. Tetapi perkara yang menyedihkan adalah pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta ini sudah mula mengorak langkah ke belakang, sudah mula hilang identiti dan jatidiri, tidak mematuhi etika berpakaian yang ditetapkan oleh institusi malah maruah dan martabat tidak lagi dipandang tinggi dan diambil peduli. Pelajar IPTA dan IPTS dikatakan demikian, kerana banyak berlaku gejala negatif dan tidak bermoral dikalangan pelajar. Bagi melahirkan pelajar yang berjaya, pelaksanaan peraturan di sesebuah institusi amat penting (Hasrul Bin Hassan, 2016). Pelajar perlu akur dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh institusi. Walaupun pelajar bebas berpakaian untuk ke kuliah, mereka perlu patuh terhadap etika pemakaian yang telah ditetapkan. Melanggar etika pemakaian di politeknik memberi kesan buruk dan ianya dipandang serong oleh masyarakat luar. Perkara yang akan dibincangkan adalah berkenaan dengan etika pemakaian pelajar IPT yang dikatakan tidak menepati kehendak tatacara atau etika sebagai seorang pelajar IPT.

Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia ini disediakan kepada semua pelajar Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai maklumat yang perlu diketahui dan garis panduan kepada peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di politeknik. Panduan dan peraturan yang terkandung dalam buku panduan ini termasuklah apa-apa panduan dan peraturan yang buat dari semasa ke semasa serta apa-apa kaedah atau peraturan lain yang bersifat am atau khusus yang dikeluarkan oleh politeknik atau mana-mana pihak berkuasa dari semasa ke semasa adalah terpakai kepada semua pelajar di sepanjang tempoh pengajian di politeknik. (Buku panduan dan peraturan am pelajar politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2012). Di antara peraturan yang terkandung di dalam buku tersebut ialah peraturan rupadiri pelajar lelaki dan pelajar perempuan di politeknik yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar.

Berdasarkan kepada Minggu Transformasi Siswa (MTS) sesi Jun 2017, didapati hampir 50% daripada 80 pelajar semester 1 bagi jabatan teknologi maklumat dan komunikasi (JTMK) yang baru mendaftar masuk ke politeknik tidak mematuhi etika berpakaian yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan tahap kesedaran terhadap etika berpakaian ketika berada di dalam politeknik sangat rendah. Sehubungan itu, pegawai disiplin politeknik dan penyelarass disiplin jabatan telah bertindak dengan memberi taklimat dan penerangan etika berpakaian yang betul di politeknik semasa Minggu Transformasi Siswa (MTS).

Oleh yang demikian, bagi menyelesaikan permasalahan ini, penyelidik bermotivasi untuk membuat kajian bagi mengenalpasti kesedaran pelajar terhadap etika berpakaian di politeknik.

Fokus Kajian

Fokus kajian ini adalah memastikan pematuhan etika berpakaian pelajar semester 1 JTMK sesi Jun 2017 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin melalui kempen-kempen kesedaran.

Objektif Kajian

Objektif Am

Kajian ini bertujuan memastikan pematuhan etika berpakaian pelajar JTMK semester 1 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dalam melahirkan graduan yang mempunyai modal insan yang tinggi.

Objektif Khusus

1. mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA.
2. mengenalpasti pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA.
3. mengenalpasti penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada pelajar JTMK semester 1 sesi Jun 2017, Politeknik Sultan Mizan zainal Abidin (PSMZA). Responden terdiri daripada 80 orang pelajar.

Perlaksanaan kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kaedah campuran iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif melalui proses pengumpulan data soal selidik dan kaedah kualitatif secara pemerhatian. Borang soal selidik akan diedarkan kepada 80 pelajar.

Soal selidik

Penyelidik telah menyediakan borang soal selidik untuk mengenalpasti pematuhan etika berpakaian pelajar semester 1 JTMK sesi Jun 2017 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Borang soal selidik kajian mengandungi tiga konstruk iaitu bahagian A untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA, bahagian B untuk mengenalpasti pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA dan bahagian C untuk mengenalpasti penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA. Secara keseluruhannya, konstruk bahagian A, B dan C mengandungi lapan belas instrumen. Hasil yang diperolehi akan direkodkan dalam bentuk jadual dan graf serta dianalisa.

Kaedah Temubual

Satu set soalan temu bual telah disediakan bagi mendapatkan maklum balas lisan dari pelajar berkenaan isu kajian. Temu bual dijalankan dengan cara interaksi bersemuka antara penyelidik dengan responden yang mengandungi tujuh soalan. Menurut Kamarul Azmi (2012), temu bual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai suatu fenomena. Sesi temu bual telah dibuat melibatkan 10 orang responden.

Analisa Tinjauan Masalah

Soal selidik

a) Pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA.

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA adalah seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

Jadual 1: Pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

PETUNJUK			
BIL.	ITEM	YA	TIDAK
B1	Saya tahu tentang kewujudan etika berpakaian di politeknik	96.2%	3.8%
B2	Saya telah diberi taklimat tentang etika berpakaian di politeknik semasa minggu transformasi siswa	89.3%	10.7%
B3	Saya tahu tentang jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke kuliah	98.6%	1.6%
B4	Saya tahu tentang jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke makmal dan bengkel	98.5%	1.5%
B5	Saya tahu tentang jenis-jenis pakaian yang dibenarkan semasa beriadah	96.4%	3.6%
B6	Saya tahu tentang hukuman yang akan dikenakan sekiranya melanggar etika berpakaian di politeknik	92.9%	7.1%

Berdasarkan Jadual 1 iaitu pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA mendapat peratus interpretasi perangkaan yang menunjukkan sejumlah enam item bersetuju (B1= 96.2, B2= 89.3, B3= 98.6, B4= 98.5, B5= 96.4, B6= 92.9) peratus dan enam item tidak bersetuju (B1= 3.8, B2= 10.7, B3= 1.6, B4= 1.5, B5= 3.6, B6= 7.1) peratus.


Berdasarkan analisa yang dijalankan, didapati pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA berada di peratusan yang tinggi. Ini disebabkan oleh etika pemakaian adalah salah satu elemen yang sangat penting dan diberi penekanan dalam membentuk sahsiah dan disiplin pelajar di PSMZA khususnya pelajar semester 1. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan peratusan tertinggi pada item B3 iaitu saya tahu tentang jenis-jenis

pakaian yang dibenarkan untuk ke kuliah sebanyak 98.6% bersetuju. Kebiasaannya pelajar-pelajar semester 1 akan memakai pakaian yang dibenarkan untuk ke kuliah setelah mendapat maklumat daripada penasihat akademik dan pelajar-pelajar senior.

Walaupun begitu, berdasarkan Jadual 1, peratusan paling rendah adalah pada item B2 iaitu saya telah diberi taklimat tentang etika berpakaian di politeknik semasa minggu transformasi siswa sebanyak 89.3% bersetuju. Perkara ini mungkin disebabkan oleh pelajar-pelajar baharu semester 1 ini tidak memahami konsep taklimat yang diberikan dan kurang memahami serta tidak mengingati isi kandungan taklimat yang telah diberi kepada mereka selepas itu.

b) Pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

Analisis data daripada soal-selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA seperti Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

Berdasarkan Jadual 2 iaitu pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA mendapat peratus interpretasi perangkaan yang menunjukkan sejumlah enam item bersetuju (C1= 95.0, C2= 85.7, C3= 98.6, C4= 98.1, C5= 99.0, C6= 97.0) peratus dan enam item tidak bersetuju (C1= 5.0, C2= 14.3, C3= 1.4, C4= 1.9, C5= 1.0, C6= 3.0) peratus


Jadual 2: Pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
C1	Saya memahami etika berpakaian di politeknik	95.0	5.0
C2	Saya memahami etika berpakaian di politeknik yang diberi semasa minggu transformasi siswa	85.7	14.3
C3	Saya memahami jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke kuliah	98.6	1.4
C4	Saya memahami jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke makmal dan bengkel	98.1	1.9
C5	Saya memahami jenis-jenis pakaian yang dibenarkan semasa beriadah	99.0	1.0
C6	Saya memahami hukuman yang akan dikenakan sekiranya melanggar etika berpakaian di politeknik	97.0	3.0

Pemahaman pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA turut dianalisis kerana ianya merupakan aspek yang penting dalam pematuhan etika berpakaian pelajar-pelajar semester 1 di PSMZA. Hasil analisa menunjukkan responden sangat memahami jenis-jenis pakaian yang dibenarkan semasa beriadah dengan nilai peratusan sebanyak 99.0 bersetuju. Ini mungkin disebabkan oleh mereka merasa selesa dengan cara berpakaian waktu riadah yang lebih santai dan tidak formal.

Jadual 2 turut menjelaskan nilai peratusan terendah adalah pada item C2 iaitu saya memahami etika berpakaian di politeknik yang diberi semasa minggu transformasi siswa sebanyak 85.7 peratus bersetuju. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar semester 1 tidak memahami sepenuhnya etika berpakaian yang disampaikan kepada mereka semasa minggu transformasi siswa. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor kekangan masa dan faktor kesediaan pelajar-pelajar semester 1 ini dalam mematuhi etika pemakaian yang telah digariskan.

Analisis data daripada soal- selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa tahap Penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA adalah seperti Rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

Jadual 3 : Penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
D1	Saya bersedia mematuhi etika berpakaian di politeknik	79	21
D2	Saya bersedia untuk membimbing rakan sebaya tentang etika berpakaian di politeknik	61	39
D3	Saya sentiasa memakai jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke kuliah	96	4
D4	Saya sentiasa memakai jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke makmal dan bengkel	82	18
D5	Saya sentiasa memakai jenis-jenis pakaian yang dibenarkan semasa beriadah	93	17
D6	Saya akan membayar hukuman yang dikenakan sekiranya melanggar etika berpakaian di politeknik	79	21

Berdasarkan Jadual 3 iaitu penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA peratus interpretasi perangkaan yang menunjukkan sejumlah enam item bersetuju (D1= 79, D2= 61, D3= 96, D4= 82, D5= 93, D6= 79) peratus dan enam item tidak bersetuju (D1= 21, D2= 39, D3= 4, D4= 18, D5= 17, D6= 21) peratus.

Analisa dari aspek penerimaan pelajar tentang etika berpakaian di PSMZA juga turut dilakukan. Ini dapat mengukur sikap pelajar dalam menerima dan seterusnya mematuhi semua garis panduan etika berpakaian di PSMZA. Penerimaan pelajar-pelajar ini sangat penting dalam membentuk sahsiah dan disiplin mereka sepanjang berada di PSMZA. Jadual 3 menunjukkan peratusan tertinggi dicatat pada item D3 iaitu saya sentiasa memakai jenis-jenis pakaian yang dibenarkan untuk ke kuliah sebanyak 96% bersetuju manakala peratusan terendah ialah sebanyak 61% bersetuju bahawa saya bersedia untuk membimbing rakan sebaya tentang etika berpakaian di politeknik. Ini mungkin disebabkan oleh pelajar-pelajar semester 1 ini beranggapan bahawa mereka tidak layak untuk menasihati rakan-rakan mereka dan merasakan bahawa mereka yang patut mendapat bimbingan bukan sebaliknya.

Analisa temu bual tertutup

Terdapat tujuh soalan temu bual dikemukakan kepada 10 orang responden yang terlibat. Sesi temu bual dikendalikan oleh penyelidik dalam dua kumpulan yang berbeza. Kedua-dua kumpulan diajukan soalan yang sama. Pembahagian kumpulan tersebut hanya sebagai langkah penjimatan masa dan penggunaan sumber tenaga yang efektif sahaja. Berikut merupakan jadual rumusan respon pelajar terhadap soalan yang diajukan.

Jadual 4: Analisa soalan temubual

Kod	Soalan Temu Bual	Respon	Peratus (%)
A1	Di antara peraturan berpakaian yang telah ditetapkan, manakah paling mudah untuk dipatuhi?	Menutup Aurat dan tidak menjolok mata	18.2%
		Memakai Baju T berkolar	15.8%
		Berseluar tidak ketat @ memakai <i>slack</i>	15.5%
		Baju hendaklah <i>tuck-in</i> (lelaki sahaja)	13.7%
		Tidak boleh memakai skirt pendek @ paras lutut (perempuan sahaja)	36.8%
A2	Di antara peraturan berpakaian yang telah ditetapkan, manakah paling sukar untuk dipatuhi?	Menutup Aurat dan tidak menjolok mata	14.9%
		Memakai Baju T berkolar	15.2%
		Berseluar tidak ketat @ memakai <i>slack</i>	15.6%
		Baju hendaklah <i>tuck-in</i> (lelaki sahaja)	40.9%
		Tidak boleh memakai skirt pendek @ paras lutut (perempuan sahaja)	13.4%

A3	Adakah wajar sekiranya pelajar diberikan amaran terlebih dahulu sebelum dikenakan hukuman di atas kesalahan yang dilakukan?	Positif	96.5%
		Negatif	3.5%
A4	Adakah hukuman yang dikenakan kepada pelajar sekiranya melanggar pematuhan etika berpakaian setimpal dan berpatutan?	Positif	90.3%
		Negatif	9.7%
A5	Adakah perlu diadakan kempen-kempen kesedaran terhadap kepentingan pematuhan etika berpakaian di dalam politeknik?	Positif	98.1%
		Negatif	1.9%
A6	Adakah perlu diadakan pemeriksaan secara mengejut untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap pematuhan etika berpakaian?	Positif	69.7%
		Negatif	30.3%
A7	Adakah anda perlu diberi peringatan terhadap pematuhan etika berpakaian pada setiap hari?	Positif	74.2%
		Negatif	25.8%

Berdasarkan jadual di atas, penyelidik telah menstrukturkan peratusan jawapan temu bual dalam bentuk jawapan positif dan negatif. Penstrukturkan tersebut bagi memudahkan analisa dibuat. Bagi soalan yang melibatkan jawapan elemen pematuhan etika pemakaian, peratusan pemilihan elemen pematuhan etika pemakaian berkenaan dikira.

Penentuan Kod

Kod A1 - Didapati elemen tidak boleh memakai skirt pendek @ paras lutut merupakan elemen yang paling mudah untuk dipatuhi dengan catatan peratusan tertinggi sebanyak 36.8%. Manakala peratusan paling rendah adalah elemen baju hendaklah *tuck-in* dengan peratusan 13.7% sahaja.

Kod A2 - Bagi peraturan berpakaian yang paling sukar untuk dipatuhi pula sebanyak 40.9% responden mengatakan baju hendaklah

- tuck-in* adalah elemen yang paling sukar manakala hanya 13.4% menyatakan elemen tidak boleh memakai skirt pendek @ paras lutut merupakan elemen yang paling sukar untuk dipatuhi.
- Kod A3 - Sebanyak 99.5% responden bersetuju bahawa adalah wajar pelajar-pelajar diberikan amaran terlebih dahulu sebelum dikenakan hukuman di atas kesalahan yang dilakukan. Hanya 3.5% sahaja yang menyatakan sebaliknya.
- Kod A4 - Didapati 90.3% responden bersetuju bahawa hukuman yang dikenakan kepada pelajar sekiranya melanggar pematuhan etika berpakaian setimpal dan berpatutan. Sebaliknya 9.7% menyatakan tidak.
- Kod A5 - Bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar semester 1 ini, 98.1% responden bersetuju diadakan kempen-kempen kesedaran terhadap kepentingan pematuhan etika berpakaian di dalam politeknik manakala hanya 1.9% sahaja mengatakan tidak.
- Kod A6 - Bagi meningkatkan sahsiah dan disiplin pelajar-pelajar semester 1, 69.7% responden bersetuju bahawa perlu diadakan pemeriksaan secara mengejut untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap pematuhan etika berpakaian manakala 30.3 % responden tidak bersetuju.
- Kod A7 - Peringatan terhadap pematuhan etika berpakaian juga sangat dipersetujui oleh para responden apabila sebanyak 74.2% bersetuju dan 25.8% tidak bersetuju.

Kesimpulan

Hasil daripada soal-selidik dan temubual yang dijalankan bolehlah disimpulkan bahawa secara keseluruhannya, pelajar –pelajar semester 1 ini mengetahui tentang kewujudan pematuhan etika berpakaian bagi pelajar-pelajar di PSMZA dan bersedia untuk mematuhi semua etika berpakaian yang telah digariskan. Ini dapat dibuktikan melalui sesi temubual iaitu 98.1% responden bersetuju diadakan kempen-kempen kesedaran terhadap kepentingan pematuhan etika berpakaian di dalam politeknik dan 96.5% responden berpendapat bahawa wajar diberikan amaran terlebih dahulu sebelum dikenakan hukuman di atas kesalahan yang telah dilakukan. Walaupun begitu, peratusan terendah dicatat bagi pengetahuan pelajar tentang etika berpakaian di politeknik yang diberi semasa minggu transformasi siswa iaitu sebanyak 89.3% pelajar bersetuju dan 85.7% pelajar bersetuju bahawa mereka memahami etika berpakaian di politeknik yang diberi pada minggu transformasi siswa.

Tindakan Yang Dijalankan untuk memastikan pematuhan etika berpakaian pelajar semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Hasil daripada analisa di atas, penyelia telah menjalankan beberapa tindakan untuk meningkatkan pematuhan etika berpakaian pelajar semester satu Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti berikut:

1. Pensyarah memperuntukkan masa selama 10 minit pada setiap waktu
2. kuliah untuk memeriksa rupa diri dan memberi peringatan kepada pelajar terhadap kepentingan pematuhan etika berpakaian
3. Bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) untuk
4. Mengadakan kempen-kempen kesedaran dengan manampal poster dan menggantung banner yang mengandungi garis panduan pematuhan etika berpakaian di kawasan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, asrama dan laluan utama pelajar. Selain itu, minggu kesedaran disiplin turut diadakan.
5. Bekerjasama dengan unit disiplin jabatan dengan mengadakan
6. pemeriksaan rupa diri secara mengejut kepada pelajar-pelajar 2 minggu sekali

Perlaksanaan tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 6 minggu dan pemerhatian terhadap hasil tindakan dilakukan selama 2 minggu terhadap setiap kelas yang berkaitan.

Langkah 1:

Pelaksanaan tindakan 8.1 dilaksanakan oleh pensyarah di dalam kelas selama 6 minggu berturut-turut. Pensyarah telah mengambil masa 10 minit di awal waktu kuliah untuk memeriksa rupa diri dan memberi peringatan kepada pelajar-pelajar terhadap kepentingan pematuhan etika berpakaian. Pensyarah juga menunjukkan contoh dengan membuat perbandingan di antara pelajar yang mematuhi etika berpakaian dan seorang pelajar yang tidak mematuhi etika berpakaian untuk dijadikan sebagai model. Pensyarah merujuk kepada panduan etika rupa diri pelajar yang terdapat di dalam laman web PSMZA.

Langkah 2:

Pelaksanaan tindakan 8.2 telah mula dilaksanakan pada 6 Julai 2017 di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, di kamsis dan laluan utama pelajar dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). JHEP menyerahkan poster-poster dan banner-banner yang mengandungi garis panduan pematuhan etika berpakaian kepada penyelar disiplin jabatan untuk ditampal dan digantung pada tempat yang berkaitan. Dengan adanya poster dan banner ini, pelajar-pelajar dapat membaca dengan jelas panduan pematuhan etika pemakaian dan melihat contoh-contoh gambar pelajar yang mematuhi etika pemakaian dengan lengkap. Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah mengadakan Minggu Kesedaran Disiplin Asrama Sesi Jun 2017 selama seminggu bermula dari 23 Julai 2017 sehingga 27 Julai 2017. Di

antara pengisian pada minggu tersebut ialah dengan mengadakan ceramah disiplin, ceramah agama dan pemeriksaan mengejut terhadap pelajar di kawasan asrama.

Langkah 3:

Pelaksanaan tindakan 8.3 telah dilaksanakan selama 2 kali iaitu pada 3 Julai 2017 dan 18 Julai 2017 oleh AJK Disiplin Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan bantuan pensyarah-pensyarah. Pemeriksaan rupa diri secara mengejut dilakukan kepada pelajar-pelajar semester 1 ketika waktu kuliah. Pelajar-pelajar yang membuat kesalahan akan diambil nama dan no pendaftaran mereka untuk diberi kepada penasihat akademik masing-masing. Pelajar-pelajar ini akan diberi amaran terlebih dahulu sebelum dijatuhkan hukuman. Sekiranya pelajar-pelajar yang sama ditangkap melakukan kesalahan kali kedua mereka akan dikenakan hukuman mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Jadual 8a: Perbandingan Jumlah peratusan pematuhan responden terhadap etika pemakaian sebelum dan selepas tindakan.

Bil	Elemen-elemen pematuhan etika berpakaian	Jumlah peratusan (%) pematuhan responden sebelum tindakan	Jumlah peratusan (%) pematuhan responden selepas tindakan
1	Memakai baju kemeja	90.9%	98.5%
2	Memakai T-shirt berkolar	92.4%	94.6%
3	Memakai baju yang sopan	91.7%	95.3%
4	Memakai seluar panjang (slack)	95.6%	98.1%
5	Memakai tudung kepala (muslimah)	100%	100%

Rumusan pemerhatian dan penilaian

Selepas dua bulan menjalankan tindakan untuk meningkatkan pematuhan etika berpakaian pelajar semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan membuat pemerhatian, didapati penerimaan dan kesediaan pelajar-pelajar semester 1 terhadap pematuhan etika berpakaian ini adalah lebih baik berdasarkan pemerhatian yang dilaksanakan. Jadual 8a menunjukkan perbandingan peratusan pematuhan terhadap elemen-elemen di dalam etika berpakaian pelajar-pelajar semester 1 JTMK.

Cadangan Untuk Tindakan Seterusnya

Beberapa cadangan untuk tindakan yang seterusnya adalah seperti berikut :

1. 10.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan etika berpakaian
2. pelajar-pelajar semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
3. 10.2 Tahap kesediaan pelajar-pelajar semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat
4. dan Komunikasi dalam mematuhi etika berpakaian di PSMZA
5. 10.3 Strategi kepimpinan melalui tauladan dalam pembentukan modal insan
6. pelajar-pelajar semester 1 Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Rujukan

Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2012). Jabatan Pengajian Politeknik.

Kamarul Azmi J. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Mohamad Shahril I. (2012). Kajian Kecenderungan Pelanggaran Disiplin di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau, Politeknik Merlimau Melaka.

Abd Jalil B. (2008). Asas pembangunan modal insan. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.

Hasrul H. (2016). Apakah Itu Lifestyle atau Gaya Hidup Hipster. Dicapai pada Jun 2, 2017 dari <http://www.hasrulhassan>